

10/02/2003

Bukti rakyat bantah peperangan

Sani Salleh

KUALA LUMPUR: Aman Malaysia bukan proksi mana-mana parti politik, tetapi usaha spontan dan murni rakyat bagi membantah peperangan, kata penasihat Aman Malaysia Tan Sri Lee Lam Thye.

"Bila rakyat menurunkan tandatangan bagi keamanan, mereka berbuat demikian bukan kerana politik tetapi demi cintakan keamanan dan tidak mahukan perang yang akan mendatangkan pelbagai kesengsaraan," katanya.

Kempen Aman Malaysia bagi mendapatkan sejuta tandatangan diadakan berikutan kebimbangan mengenai kemungkinan tentera Amerika Syarikat menyerang Iraq.

Tandatangan berkenaan akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena sidang kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di sini dari 20 hingga 25 Februari.

Lee berkata Aman Malaysia akan kekal sebagai sebuah pergerakan bebas untuk memperjuangkan keamanan serantau dan dunia.

Beliau turut mengetuai Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia sekretariat Belia 4B cawangan Dang Wangi, di Hospital Kuala Lumpur (HKL). Lee diiringi Pengerusi jawatankuasa kempen itu, Wahab Dahalan. Pada majlis itu, 60 pesakit di Wad 26 dan Wad 27 HKL menandatangani kempen itu.

Wahab berkata, kempen itu juga mampu berfungsi sebagai pengantara menyatukan masyarakat berbilang kaum.

Beliau mencadangkan kerajaan menjadikan kempen itu sebagai bahan sejarah dan ditempatkan di Arkib Negara atau Muzium.

Wahab berkata pihaknya juga akan mengunjungi penjara dan pusat serenti bagi mendapatkan tandatangan banduan dan penghuni pusat berkenaan.

Sementara itu, pesakit yang menurunkan tandatangan, bangga kerana turut diberi ruang menjayakan kempen Aman Malaysia.

Pesara polis, Mansor Hassan, 60, berkata beliau menyokong penuh usaha mengumpulkan sejuta tandatangan bagi membuktikan sokongan rakyat menentang keganasan.

"Keamanan penting bagi membolehkan masyarakat hidup tenteram seperti yang dikecapi generasi Malaysia ketika ini.

"Saya pernah merasai detik sukar suatu ketika dulu terutama sebelum negara mencapai kemerdekaan. Saya tidak dapat bayangkan jika peristiwa 13 Mei, berulang," katanya.

Kakitangan kerajaan, Norwahyuriati Mohamad, 20, pula menyifatkan perpaduan dan keamanan yang dinikmati rakyat pelbagai kaum perlu dipertahankan sampai bila-bila.

"Peluang untuk bersama menurunkan tandatangan bagi kempen Aman Malaysia, membuatkan saya rasa tidak disisih meskipun terlantar di hospital kerana denggi," katanya.

Peniaga, Chew Keng Hong, 60, sependapat dengan Mansor dan Norwahyuriati, dengan mengatakan keamanan adalah kunci kemakmuran sesebuah negara.